

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1991/92**

**Mac/April, 1992**

**AAP403 - PERNIAGAAN, KERAJAAN DAN MASYARAKAT**

**Masa: [3 jam]**

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja. Soalan 1 adalah **WAJIB** dan pilih **EMPAT** soalan lain.

1. (a) Bagaimakah model perkembangan etika Kohlberg dapat membantu memahami perlakuan manusia?

[10 markah]

- (b) Terangkan secara ringkas pendekatan "utilitarian", hak (rights) dan keadilan dalam membuat taakulan secara beretika (ethical reasoning).

[10 markah]

2. Terangkan konsep 'tanggungjawab sosial' perniagaan. Adakah anda bersetuju dengan pandangan Milton Friedman bahawa tanggungjawab sosial perniagaan adalah untuk meningkatkan keuntungan. Berikan hujah-hujah anda.

[20 markah]

...2/-

3. (a) Apakah penjelasan yang lazim digunakan oleh pengurus untuk merasionalkan kelakuan mereka yang tidak beretika?

[10 markah]

- (b) Apakah tindakan yang anda cadangkan untuk memperbaiki prestasi etika dalam organisasi perniagaan?

[10 markah]

4. Bagaimana model ekologi perniagaan, dan model pemegang hak (stakeholder) dapat membantu kita memahami skop dan sifat perhubungan di antara perniagaan, kerajaan dan masyarakat?

[20 markah]

5. Apakah 'buangan toxik' dan kenalpasti punca utamanya di Malaysia? Bincangkan peranan kerajaan dan perniagaan dalam mengatasi cabaran ekologi ini.

[20 markah]

6. (a) "Peraturan kerajaan terhadap perniagaan merupakan satu mekanisme untuk melaksanakan pilihan sosial". Jelaskan pernyataan ini dan kenalpasti jenis peraturan kerajaan yang utama.

[10 markah]

- (b) Kenalpasti dan terangkan haluan (trend) dalam melaporkan prestasi sosial korporat.

[10 markah]

----ooooooo----